

## Kewajipan Pemuda dan Pemuda Islam

Sungguh berbahagialah kita hidup dalam zaman sekarang ini, zaman yang diberkati Tuhan, tumbuh subur berbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan moden, yang manfaatnya meliputi jagat ini. Dari timur sampai ke barat, dari utara sampai ke selatan, dirasai oleh segala bangsa yang telah maju dalam peradapan<sup>1</sup> dan kenegaraan. Hampir setiap bulan, bahkan setiap minggu kita baca berita-berita tentang adanya pendapat-pendapat baharu dalam lapangan ilmu pengetahuan, sebagai hasil penyelidikan tentang rahsia alam yang luas, dan sekarang telah diterima dan dirasai oleh manusia – kata al-Ustādh Muḥammad ‘Alī al-Hamīdī dalam salah satu kupasannya. Lebih lanjut beliau berkata:



Gambar kenangan murid-murid Madrasah al-Istiqamah al-‘Arabīyah

Parit Baslam, Pontian Johor.

Semua itu menjadi tanda yang nyata, bahawa Allah *subḥānahu wa ta‘ālā* hendak memperlihatkan kebesaran dan kekuasaan-Nya kepada manusia yang masih ingkar, bahawa alam sejagat yang mengandungi berbagai-bagai manfaat itu ada Penciptanya dan ada Pembuatnya iaitu *Allāh al-Wāḥid al-Qahhār*.

Tak dapat kita ingkari kemajuan mereka dalam ilmu pengetahuan. Cubalah kita fikirkan: Dari manakah mendapat jarum, mesin-mesin, perkakas elektrik, radio, kertas, dakwat dan sebagainya? Bukan kita yang membuatnya tetapi hasil usaha mereka.

Di samping kemajuan tersebut, ada pula kemajuannya dalam maksiat, yang dilarang oleh agama Islam, seperti ber-*dancing*, minuman keras, bergaul bebas dengan perempuan yang bukan mahramnya, dan lain-lainnya yang sangat berbahaya dan merosakkan budi pekerti.

Kemajuan mereka dalam lapangan ilmu pengetahuan, itulah yang harus kita turut dan mengambil contoh tauladan, terutama bagi angkatan muda kita sekarang ini, yang masih mempunyai persediaan cukup dan waktu luas, hendaknya dipergunakan buat menuntut ilmu-ilmu pengetahuan moden itu, sebagai alat untuk pembangunan negara, sebagaimana yang telah dipesan oleh Junjungan kita Nabi Muḥammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* dalam sabdanya:

“*Ightanim khamsan qabla khamsin: Hayātuka qabla mawtika, wa ṣihhataka qabla saqamika, wa firāghaka qabla shughulika, wa shabābaka qabla haramika, wa ghināka qabla faqrika.*” – (Aḥmad, al-Ḥākim, al-Bayhaqī wa Abū Nu‘aym).

“Gunakanlah lima perkara sebelum datang lima perkara: Iaitu hidupmu sebelum datang matimu, sihatmu sebelum sakitmu, kelapanganmu sebelum bekerjamu, mudamu sebelum tuamu, dan kayamu sebelum miskinmu.”

<sup>1</sup> merujuk kepada ‘Peradaban’

Tetapi kemajuan mereka dalam lapangan maksiat, yang sudah banyak menjerumuskan pemuda-pemudi kita, janganlah sekali-kali diturut dan ditiru, walaupun yang sekecil-kecilnya. Lagi pula jangan tertipu dengan keindahan dan keelokannya. Perhatikanlah firman Allah Ta'ālā:

*“Lā yaghurrannaka taqallubu alladhīna kafarū fi al-bilād. Matā'un qalīlun thumma ma'wāhum jahannamu wa bi'sa al-mihād.”* (196-197, Āli 'Imrān).

“Janganlah sekali-kali engkau tertipu dengan keleluasanya orang yang kafir di negeri-negerinya. Iaitu kesenangan yang sedikit, kemudian tempat kembali mereka itu ialah Jahannam, dan ia sejahat-jahat tempat ketetapan.”

Pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi Islam berkewajipan bekerja dengan teratur dan berjuang dalam persatuan yang

kuat, bagi menolak dan menghapuskan segala maksiat.

Inilah satu kewajipan berat, yang ditugaskan kepada kita kaum Muslimin, terutama angkatan muda kita yang boleh mengetahui tentang pergaulan zaman ini. Tentu sahaja bahaya maksiat yang tersiar dengan teratur, tidak dapat dihapuskan oleh tenaga orang seorang, tetapi mestilah dengan teratur, dan melalui pertubuhan yang kuat.

Dengan bekerja bersungguh-sungguh dan rajin belajar mudah-mudahan masyarakat kita bertambah maju dalam lapangan ilmu pengetahuan. Dan dengan berjihad bersungguh-sungguh dan berpegang teguh kepada pelajaran agama, akan terhapuslah maksiat dan kita pun selamat dari bahayanya.

Moga-moga Allah berikan kita kekuatan dan kemenangan dalam perjuangan hidup ini – Āmīn.



*Murid-murid sekolah agama Telaga, Kuala Berang, yang telah berjaya dalam peraduan bacaan Quran, syarahan dan lagu-lagu nasyid pada Malam Rampaian Sekolah-sekolah Agama, Ulu Terengganu baharu-baharu ini. Duduk (dua dari kiri) ialah guru besarnya bersama-sama guru-guru penolong.*